

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : **7 Oktober 2014**

SOALAN : **Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menunjukkan ketidakpuasan kita terhadap sokongan yang diberi oleh Amerika Syarikat kepada Israel yang menjadikan Israel berani/angkuh sehingga menyerang dan membunuh rakyat Gaza.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri telah mengeluarkan tiga (3) kenyataan akhbar masing-masing bertarikh 7, 19 dan 22 Julai 2014 bagi mengutuk sekeras-kerasnya serangan ketenteraan Israel ke atas Gaza, Palestin.

2. Dalam masa yang sama, Kerajaan Malaysia telah menggesa supaya pihak-pihak yang berkenaan, khususnya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) yang dianggotai oleh Amerika Syarikat yang juga merupakan salah satu daripada lima anggota tetap UNSC, untuk mengambil tindakan tegas bagi mendesak Israel menamatkan serangan ketenteraannya ke atas Gaza, Palestin, serta berusaha untuk mengembalikan kedamaian dan kestabilan antara Palestin dan Israel dengan segera.

3. Kerajaan Malaysia melalui Perwakilan Tetap Malaysia di PBB juga telah menyampaikan kenyataan Malaysia semasa “Mesyuarat Tergempar UNSC mengenai Situasi di Timur Tengah termasuk Palestin” yang telah diadakan pada 22 Julai 2014. Dalam kenyataan tersebut, Malaysia sekali lagi menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk mendesak Israel menghentikan dengan serta-merta serangan ketenteraan tidak berperikemanusiaan mereka ke atas rakyat Palestin, khususnya di Gaza.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, semasa lawatan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama ke Malaysia pada 27 April 2014, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyuarakan kebimbangan tentang isu Palestin dan Israel serta menyatakan bahawa kemelut ini perlu diselesaikan dengan segera. Presiden Obama mengambil maklum akan perkara ini. Selain itu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri turut membangkitkan serangan Israel ke atas wilayah Gaza, Palestin semasa menerima kunjungan hormat daripada Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa Senat Amerika Syarikat, Ahli Republikan *Tennessee* Senator Bob Corker pada 7 Ogos 2014 serta meminta supaya Amerika Syarikat memainkan peranan lebih penting dalam memastikan kestabilan dan keamanan berterusan di Gaza.

Sekian, terima kasih.